
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

JTW 211 – PERAKAUNAN PENGURUSAN

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **SEPULUH** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja. Jawab SEMUA soalan di Bahagian A dan pilih DUA soalan daripada Bahagian B.

Tuliskan angka giliran anda di setiap kertas jawapan anda.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

...2/-

BAHAGIAN A**SOALAN 1 (25 markah)**

- (a) Syarikat Choo Kong Lung Sdn. Bhd. mempunyai tiga cawangan di beberapa universiti di Malaysia bertempat di USM, UUM dan UKM. Penjualan di ketiga-tiga cawangan tersebut adalah mengikut nisbah 3:2:1 masing-masing. Pada akhir tahun perakaunannya iaitu pada 31 Disember 2003, maklumat-maklumat berikut tersenarai di dalam rekod perniagaannya.

BUTIR-BUTIR	RM
Bahan Mentah	20 000
Jualan	60 000
Belanja Pengeluaran	5 000
Belanja Pentadbiran	3 000
Upah	10 000
Belanja Penjualan Dan Agihan	2 000
Bahan Mentah di USM	6 000
Bahan Mentah di UUM	8 000
Upah di UUM	3 000
Upah di UKM	3 000
Belanja Pengeluaran di USM	2 000
Belanja Pengeluaran di UKM	1 500
Belanja Pentadbiran di UUM	500
Belanja Pentadbiran di UKM	1 500
Belanja Penjualan dan Agihan di USM	1 000
Belanja Penjualan dan Agihan di UKM	500

DIKEHENDAKI :

Anda sebagai akauntan di syarikat tersebut diminta untuk menyediakan dua penyata utama syarikat bagi tempoh yang berakhir pada 31 Disember 2003 iaitu:

- (i) Penyata Untung Rugi (maklumat daripada perakaunan kewangan) yang lengkap dan menunjukkan dengan jelas Untung Kasar, Untung Bersih dan Jualan syarikat itu.

(5 markah)

- (ii) Penyata Kos (maklumat daripada perakaunan kos) yang lengkap dan menunjukkan dengan jelas pembahagian kos mengikut cawangan-cawangan, pembahagian kos mengikut fungsi-fungsi, jualan dan untung/rugi beserta jumlahnya secara mendatar.

(6 markah)

...3/-

- (b) Butir-butir berikut dipetik dari Syarikat Mohd. Zaki Bhd.

BUTIR-BUTIR	
Jualan	100 000 unit
Harga	RM 2.00
Bahan Langsung	60 sen seunit produk
Buruh Langsung	RM 20 000.00
Overhed Perkilangan Langsung Berubah	RM 14 000.00
Overhed Perkilangan Tetap	RM 16 000.00
Overhed Jualan Berubah	RM 32 000.00
Overhed Jualan Tetap	RM 14 000.00
Overhed Pentadbiran	RM 25 000.00

Maklumat Tambahan:

Tiada lebihan atau kekurangan bagi overhed diserap.

DIKEHENDAKI :

Sediakan penyata pendapatan yang lengkap mengikut:

- (i) Pengekosaan Sut/Marginal
- (ii) Pengekosaan Serapan

(6 markah)

- (c) Syarikat Rosshita Bhd. telah merancang untuk menyediakan belanjawan boleh ubah untuk tingkat aktiviti 16 000 dan 20 000 unit bagi perniagaannya pada tahun 2004. Beliau hanya sempat menyediakan belanjawan untuk tingkat aktiviti 18 000 unit. Maklumat-maklumat tersebut adalah seperti berikut:-

Jualan	RM 178 200
Kos Bahan Langsung	RM 36 000
Kos Buruh Langsung	RM 37 800
Overhed Berubah	RM 16 200
Overhed Tetap	RM 18 000

Seunit output bagi produk yang akan dijual ini menggunakan :-

8 kg bahan mentah
6 jam buruh langsung dan overhed berubah

DIKEHENDAKI :

Sediakan belanjawan boleh ubah/fleksibel bagi tingkat aktiviti 16 000 unit dan 20 000 unit bagi Syarikat Rosshita Bhd. dengan menunjukkan jumlah jualan, kos bahan, buruh dan overhed bagi setiap tingkat tersebut.

(8 markah)

...4/-

SOALAN 2 (25 markah)

- (a) Oo He-Len, seorang pekerja kilang, mengeluarkan 200 unit output. Kadar yang dibayar adalah seperti berikut:

sehingga 100 unit sehari pada 50 sen seunit

101 – 150 unit sehari pada tambahan 15 sen seunit dari kadar asal

151 – 200 unit sehari pada 80 sen seunit

- (i) Apakah jumlah upah kasar yang akan diperolehinya?

(3 markah)

- (ii) Kaedah pembayaran upah jenis ini adalah salah satu dari tiga cara pembayaran upah mengikut prestasi kerja. Namakan dengan tepat jenis pembayaran upah ini.

(2 markah)

- (b) Oleh kerana beliau tidak berpuas hati dengan cara pembahagian syarikat itu, beliau telah bertukar kerja ke syarikat lain yang menjanjikan pembayaran secara jaminan kadar masa. Kadar upah langsung yang dijanjikan ialah 101 sen sejam. Masa yang dibenarkan ialah 42 jam. Masa yang diambil olehnya pula adalah 36 jam. Kirakan upah pokok, upah bonus dan jumlah upah yang akan didapatinya berdasarkan skim

- (i) Halsey Weir

- (ii) Rowan

(6 markah)

- (c) Syarikat Mat Seno Hassan Bhd. mengamalkan pembahagian kos perkhidmatan secara langsung kepada jabatan pengeluaran.

Ia dibahagikan kepada empat jabatan X dan Y yang terdiri daripada jabatan pengeluaran manakala stor dan kejuruteraan ialah jabatan perkhidmatan. Kos sebenar bagi tempoh tersebut ialah seperti berikut:

		RM
Kos diperuntukan:	X	12 000
	Y	13 000
	Stor	2 000
	Kejuruteraan	4 000
Kos dibahagikan:	X	9 000
	Y	10 000
	Stor	1 000
	Kejuruteraan	2 000

...5/-

Jabatan X telah bekerja selama 4 000 jam buruh dan telah membuat tuntutan bahan bernilai RM10 000. Jabatan Y pula telah bekerja selama 6 000 jam buruh dan telah membuat tuntutan bahan bernilai RM14 000. Kirakan jumlah overhed pengeluaran bagi Jabatan X dan Y

(10 markah)

- (d) Syarikat Kak Moon Sdn. Bhd. menganggarkan kos overhednya sebanyak RM100 000 dan jam mesin pengeluarannya dianggarkan sekadar 25 000 jam sahaja.

Bagaimanapun, jam mesin yang sebenar digunakan adalah 30 000 jam.

Didapati, bila habis tempoh perakaunan, overhed sebenar adalah sebanyak RM130 000.

DIKEHENDAKI

Kirakan kos overhed dianggarkan, jam mesin dianggarkan, jam mesin sebenar dan kos overhed sebenar. Kemudian, hitungkan jumlah overhed yang diserap.

(4 markah)

BAHAGIAN B**SOALAN 3 (25 markah)**

Syarikat Liu Yoke Chen Kuching Sdn. Bhd., sebuah syarikat pembuat bahagian-bahagian komputer hendak merancang satu belanjawan induk untuk tahun 2004. Kamu sebagai akauntan sementara syarikat tersebut diminta untuk menyelesaikan beberapa masalah berkenaan dengan belanjawan ini.

- (a) Pada akhir suku tahun 2003, syarikat ini akan menjual sebanyak 110 000 unit alat ganti komputer. Harga yang dicadangkan adalah sebanyak RM800.00 seunit. Tiada stok awal bagi alat ganti ini disebabkan permintaan laris bagi produk ini. Syarikat mencadangkan jualan untuk empat sukuan yang akan datang adalah seperti berikut:

Sukuan pertama	130 000 unit
Sukuan kedua	140 000 unit
Sukuan ketiga	150 000 unit
Sukuan empat	180 000 unit

DIKEHENDAKI

Sediakan satu belanjawan jualan yang lengkap bagi syarikat tersebut bagi tahun 2004.

(4 markah)

...6/-

- (b) Syarikat juga mencadangkan agar stok akhir produk ini untuk setiap sukuan bagi belanjawan tersebut adalah seperti berikut:

Sukuan pertama	26 000 unit
Sukuan kedua	30 000 unit
Sukuan ketiga	40 000 unit
Sukuan empat	20 000 unit

DIKEHENDAKI

Sediakan satu belanjawan pengeluaran yang menunjukkan stok awal, jualan, stok akhir dan pengeluaran setiap sukuan dan jumlahnya secara mendatar bagi syarikat ini.

(6 markah)

- (c) Setiap unit alat ganti menggunakan 10 jam buruh langsung dan harga sejam buruh langsung adalah RM20.00. Berdasarkan maklumat pengeluaran yang diperolehi dari soalan (b) di atas, lengkapkan satu jadual belanjawan buruh langsung yang menunjukkan dengan jelas jumlah jam diperlukan dan jumlah kos jam serta jumlah keseluruhan secara mendatar.

(5 markah)

- (d) Kunci kira-kira pada akhir tahun 2003 menunjukkan baki tunai sebanyak RM250 000. Adalah difahamkan bahawa tunai diterima dari pelanggan melalui penjualan pada setiap sukuan yang sebelumnya secara 100%. Ini bererti kredit diberikan kepada pelanggan selama genap satu sukuan sahaja.

Mengenai pembayaran tunai pula, pembelian bahan mentah, pembayaran gaji dan penjelasan overhead sama ada berubah atau tetap dibuat pada waktu sukuan yang sama ianya terjadi. Difahamkan juga, setiap pembelian bahan mentah dan penjelasan overhead adalah sama sahaja pada setiap sukuan melainkan pembayaran gaji yang berdasarkan kepada belanjawan buruh langsung seperti mana di dalam soalan (c) di atas. Di samping itu, RM2 000 000 daripada kos overhead tetap adalah berkaitan dengan susutnilai loji dan kelengkapan lain di kilang.

Selain daripada itu, syarikat juga bersetuju memberi dividen RM300 000 pada setiap sukuan. Ia juga membeli peralatan baru sebanyak RM2 000 000 pada akhir sukuan 2004 bagi melicinkan lagi pengeluarannya. Penjelasan perbelanjaan jualan dan pentadbiran juga dibuat sebanyak RM350 000 setiap sukuan pada nilai bersih setelah diabaikan peruntukan untuk susutnilai aset-aset pentadbiran.

DIKEHENDAKI

Sediakan satu belanjawan tunai pada setiap sukuan bagi tahun 2004 yang menunjukkan jumlah keseluruhannya secara mendatar serta baki akhir pada setiap sukuan dengan mengambil kira perkara-perkara di atas yang berkenaan dengan penerimaan dan pembayaran tunai.

(10 markah)

...7/-

SOALAN 4 (25 markah)

Maklumat yang berikut dipetik dari Syarikat Fadzilah & Co. yang menggunakan sistem pengkosan piawai di dalam syarikatnya:

Bulan 1 (4 minggu)

1. Jualan RM138 000 yang meliputi margin keuntungan sebenar sebanyak 15%.
2. Varians-variens yang dicatatkan:

	RM
Harga Bahan Langsung	400 (A)
Penggunaan Bahan Langsung	600 (A)
Kecekapan Upah Langsung	1 600 (F)
Kadar Upah Langsung	2 400 (A)
Perbelanjaan Overhed Berubah	800 (A)
Perbelanjaan Overhed Tetap	1 000 (A)
Kecekapan Overhed Tetap	2 800 (F)
Volum Overhed Tetap	3 200 (A)
Nota :- (A) = Tidak Memuaskan (F) = Memuaskan	

3. Kos sebenar seunit:

	RM
Upah Langsung	2.40
Bahan Langsung	2.40
Overhed Berubah	3.20
Overhed Tetap	4.00

4. Unit yang dikeluarkan pada tempoh tersebut adalah sama dengan bilangan unit yang dikeluarkan.

DIKEHENDAKI

- (a) Kirakan :-

- (i) Bilangan unit yang dijual
- (ii) Kos piawai bagi kos jualan

(10 markah)

- (b) Sediakan penyata penyesuaian keuntungan piawai dengan keuntungan sebenar.

(9 markah)

...8/-

(c) Lakarkan rajah yang menunjukkan kategori pembahagian varians bagi

- (i) Varians bahan
- (ii) Varians buruh

(6 markah)

SOALAN 5 (25 markah)

(a) Suhaimi Yusof Sdn. Bhd., sebuah syarikat pengeluar minyak di Kerteh, Terengganu. Perniagaannya mempunyai tiga bahagian yang mengeluarkan alat mengukur minyak di dalam tanah. Persaingan perniagaannya cukup hebat dan syarikatnya telah mengalami kerugian semenjak empat tahun yang lepas berturut-turut.

Berikutan dengan itu, sejak tiga tahun kebelakangan ini, pihak pengurusan telah menyatakan hasrat mereka untuk mengamalkan pengurusan berkualiti atau 'TQM'. Akauntan syarikatnya telah meminta ringkasan angka kualiti kos bagi setiap bahagian syarikat. Maklumat adalah seperti berikut:

**Syarikat Pengukuran Minyak Suhaimi Yusof Sdn. Bhd.
Laporan Kualiti Kos Bagi 6 Bulan Berakhir Pada 31 Disember 2003**

	Pelantar Minyak Bekok	Pelantar Minyak Sotong	Pelantar Minyak Dulang	Jumlah Keseluruhan
	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)
Jualan	1 849 400	1 773 450	1 757 400	5 380 250
Kos Penghindaran	32 680	48 120	15 800	96 680
Kos Penilaian	42 340	32 210	17 980	92 530
Kos Kegagalan Dalaman	24 100	21 450	41 780	87 330
Kos Kegagalan Luaran	32 980	16 450	45 560	94 990
Jumlah Kualiti Kos	132 100	118 230	121 200	371 530

DIKEHENDAKI

Kirakan program kawalan kualiti dengan mengira kos pematuhan dan tidak pematuhan bagi setiap bahagian. Kemudian, kirakan kualiti kos sebagai peratus jualan bagi setiap bahagian. Kenalpasti bahagian yang mempunyai program kualiti yang paling kukuh sekali. Bahagian manakah yang paling lambat mengikut arahan pihak pengurusan? Kenapa anda berpendapat begitu? Jelaskan.

(12 markah)

...9/-


- (b) Syarikat Natasha Bhd. mengeluarkan tiga jenis produk minyak penguat kenderaan untuk pasaran semasa, iaitu produk regular, premium dan super power. Maklumat-maklumat berikut didapati dari rekod-rekod pengeluarannya.

Keluaran	Regular	Premium	Super Power
Permintaan jualan (unit)	750	500	1 000
	RM	RM	RM
Harga jualan seunit	60	84	70
Kos berubah seunit:			
Bahan	20	30	10
Buruh	16	24	32
Overhed berubah	4	6	8
Jumlah kos berubah	40	60	50

Harga piawai bagi bahan mentah yang dibekalkan ialah RM4 seliter. Kadar sejam buruh adalah RM4 sejam manakala kadar kos overhed berubah pula adalah RM1. Jumlah masa buruh yang sedia ada ialah 6 000 jam sahaja dan ia merupakan salah satu faktor yang terhad selain permintaan jualan. Permintaan jualan bagi ketiga-tiga produk ini adalah seperti mana yang dicatat pada bahagian awal jadual di atas. Tunjukkan perhitungan bagi menentukan produk yang patut diberi keutamaan untuk dijual dahulu berserta dengan sebabnya dan berapakah bilangan dalam unit bagi setiap produk yang patut dijual itu.

(8 markah)

- (c) Lengkapkan rajah di bawah ini dengan menamakan pada setiap kotak kosong dengan istilah kaedah pengkosan yang sesuai.



(5 markah)

...10/-

SOALAN 6 (25 markah)

- (a) Syarikat Hakimi Jauhar Bhd. menggunakan bebola sulfur dan pita uranium di dalam kilang mercunnya bagi menghasilkan mercun bagi kegunaan di musim perayaan. Untuk menghasilkan bahan tersebut secara dalaman akan mengambil masa 7 jam 15 minit dan akan melibatkan kos sut sebanyak RM35.75. Untuk menghasilkan bahan-bahan tersebut akan melibatkan kerja dengan sebuah mesin yang sedang digunakan untuk menghasilkan bahan-bahan tambahan di dalam pembuatan mercun tersebut. Keluaran bahan tambahan tersebut mengambil masa selama 60 minit untuk dihasilkan dan kos sutnya ialah RM5.50. Harga jualan keluaran tersebut ialah RM10.30. Sebuah syarikat luar bersedia membekalkan bebola sulfur dan pita uranium tersebut pada harga RM45.45 setiap satu. Adakah syarikat ini harus **membeli** atau **membuat** bahan-bahan tersebut? Tunjukkan pengiraan anda sebelum anda membuat keputusan.

(10 markah)

- (b) Jabatan Zaeyah dalam sebuah syarikat pembekal alat sukan bolasepak di Kelana Jaya mempunyai peluang untuk mendapatkan sebuah mesin baru dengan harga RM300 000. Mesin ini dijangka akan menghasilkan tambahan tunai sebanyak RM87 000 setahun untuk sepuluh tahun. Kos modalnya adalah 8% dan susutnilai tahunannya adalah 20% setahun mengikut kaedah garis lurus yang mempunyai jangka hayat 5 tahun. Kirakan pendapatan lebihan untuk tahun pertama bagi jabatan ini selepas mengambil kira susutnilai tahunannya.

(5 markah)

- (c) Syarikat H. Hafizah Sdn. Bhd. adalah sebuah syarikat yang beroperasi khusus untuk membuat baju raya bagi beberapa artis terpilih untuk persembahan pada hari raya nanti. Seorang artis telah meminta syarikat ini menyediakan sebutharga untuk membuat sepasang baju raya bagi persembahannya. Anggaran-anggaran berikut diperolehi

Kos bahan langsung RM750.00

Upah langsung:

 Masa penggunaan mesin 150 jam pada kadar 75 sen

 Pemasangan 100 jam pada kadar 38 sen

Overhed diserapkan pada kadar 30 sen setiap jam buruh langsung.

Overhed penjualan dan pengagihan ialah 35% daripada kos pengeluaran.

Untung dijangkakan sebanyak 30% daripada jumlah kos.

DIKEHENDAKI

Sediakan satu kad kos kerja dengan menunjukkan harga yang akan disebutkan nanti.

(10 markah)